

Kuliah Maghrib Ustaz Babar – 25/11/2007

- Majlis ilmu adalah satu majlis yang dilimpahi dengan rahmat Allah;
- Untuk mendapat limpahan dan keberkatan serta kelebihan di rumah Allah seseorang itu hendaklah mempelajari ayat-ayat Allah, yakni dengan mempelajari al-quran;
- Al-quran yang akan membawa kita ke syurga kerana al-quran akan menjadi saksi kepada perbuatan kita terhadapnya;
- Al-quran juga boleh mengheret kita ke neraka jika kita tidak mengamalkan atau mempraktikkan apa saja suruhan yang diperintah Allah di dalam al-quran;
- Maknanya selain membaca ayat ayat suci al-quran, kita hendaklah juga mengamalkan dan menurut segala suruhan suruhan dan perintah perintah Allah yang terkandung didalamnya;
- Rahmat yang Allah beri kepada umatnya yang selalu menghadirkan dirinya ke rumah – rumah Allah ialah:-
 1. Sakinah – Ketenangan yang Allah cipta. Allah menganugerahkan ketenangan akliah. Akliah ini bermaksud akal yang dapat membezakan antara perkara-perkara yang baik dengan perkara-perkara yang jahat.
 2. Kita akan sentiasa dihujani dengan rahmat Allah. Rahmat Allah ini adalah satu “tiket” untuk kita ke syurga kelak. Nak dapat rahmat Allah kita kena beramal soleh;
 3. Kita dikelilingi oleh para malaikat. Ramai para malaikat yang akan mengelilingi sambil mendoakan kita;
 4. Orang yang melapangkan masa atau meluangkan masanya untuk mendengar dan mempelajari serta menghadirkan diri ke majlis-majlis ilmu, namanya akan disebut-sebut disisi Allah diakhirat kelak; Orang yang keluar dari rumahnya untuk menghadirkan diri untuk majlis majlis ilmu maka keluarnya itu adalah keluar menuju kearah jalan Allah, sementara orang yang mati semasa mempelajari ilmu-ilmu Allah ini, maka matinya adalah mati shahid;
- Sahabat yang baik adalah apabila dia berdoa, dia akan mendoakan kebahagiaan dan kesejahteraan diri kita sekali.

Catatan diambil mengikut kefahaman pencatat : Norhanizah Mohamad